

# 300kg ganja bernilai RM750,000 dirampas

**BUTTERWORTH:** Polis merampas sebanyak 300 kilogram dadah jenis ganja bernilai RM750,000 dan menahan sepasang kekasih dalam serbuan di Bukit Mertajam, di sini Sabtu lalu.

Ketua Polis Perlis, Datuk Surina Saad berkata, operasi tersebut dilakukan dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman; JSN Perlis dan JSJN Pulau Pinang.

“Lelaki warga tempatan dan kekasihnya warga Indonesia yang masing-masing berusia 41 tahun dan 37 tahun ditahan di sebuah rumah sewa di Taman Impian, pukul 9 malam.

“Hasil serbuan kita menemukan 12 kotak polisterin yang setiap satunya berisi 24 ketulan mampat ganja yang disembunyikan di sekitar rumah terbabit,” katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Tengah (SPT), di sini, semalam.

Beliau berkata, ganja tersebut diseludup masuk dari Thailand melalui jalan laut sebelum menggunakan jalan darat ke Pulau Pinang.

Katanya, rumah terbabit dijadikan transit sebelum kesemua ganja itu dihantar untuk pasaran Lembah Klang.



**SURINA SAAD**

“Kedua-dua suspek adalah ahli sindiket dan kita masih siasat berapa lama sindiket ini beroperasi. Ujian saringan air kencing kedua-dua suspek adalah negatif dan masing-masing tidak memiliki rekod kesalahan lampau.

“Semakan mendapati pasangan terbabit tiada surat nikah walaupun tinggal bersama, malah suspek wanita juga tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan diri,” katanya.

Surina berkata, pasangan terbabit direman tujuh hari sehingga 23 Julai ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.